

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/10/2007

Kronologi Program Angkasawan Malaysia

5 Ogos 2003 Program angkasawan negara lahir sebagai timbal balas pembelian jet Sukhoi SU-30 MKM dari Rusia berharga AS\$900 juta (RM3.42 bilion).

7 Ogos 2003 Program Angkasawan Pertama Malaysia diumumkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

13 Okt. 2003 Kerajaan secara rasmi membuka peluang kepada seluruh rakyat negara ini untuk memohon menjadi calon angkasawan Malaysia pertama.

31 Dis. 2003 Seramai 11,267 calon memohon menyertai program angkasawan melalui laman web www.angkasawan.gov.my.

26 Mac 2004 Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (NSA), Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman mengumumkan program penghantaran angkasawan pertama negara ke angkasa lepas ditangguhkan sehingga 2007.

28 Ogos 2005 Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis melancarkan Larian Angkasawan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuantan, Pahang.

- Larian sejauh 3.5 kilometer itu perlu dihabiskan dalam tempoh 20 minit.

- 435 mengambil bahagian hanya 199 orang didapati layak.

- Saringan 2 Pemeriksaan Perubatan Asas berdasarkan Syarat

Program NASA (termasuk pemeriksaan mata dan ujian air kencing).

- 194 diuji hanya 59 orang lulus.

24 Sept. 2005 Sebanyak 59 calon angkasawan negara menjalani ujian perubatan aeroangkasa selama lima hari di Institut Perubatan Penerbangan, Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang.

- Saringan 3 Aeromedical 1 (termasuk ujian darah, hidung dan telinga, sinar-X, ujian jantung (ECG)). 59 diuji hanya 27 orang lulus.

16 Jan. 2006 Seramai 27 calon angkasawan negara

yang berjaya melepasi ujian perubatan aeroangkasa selama lima hari bermula 26 September 2005, menjalani ujian tenang di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang.

- Saringan 4 Aeromedical 2 (termasuk tulang, rongga udara dan ujian emparan).

- 27 diuji hanya 18 orang lulus.

➤ **22 Jan. 2006** Saringan 5 Penilaian keseluruhan berdasarkan prestasi dalam Saringan 1 hingga 4 dan keupayaan psikiatri, psikologi, teknikal, ujian ikhtiar hidup laut dan darat.

- 10 diuji hanya lapan layak.

- Wanita tunggal dalam program angkasawan pertama negara, S. Vanajah tersenarai antara lapan calon yang melepasi saringan itu.

- Ujian Saringan 6 Pemeriksaan Perubatan (termasuk Imbasan CT, endoskopi dan analisis).

- 10 calon diuji hanya lapan yang layak.

➤ **14 Mac 2006** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemilihan empat calon angkasawan negara, Kapten Dr. Faiz Khaleed, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, S. Vanajah dan Mohammed Faiz Kamaluddin untuk menjalani latihan di Rusia.

➤ **27 April 2006** Empat calon angkasawan negara berlepas ke Rusia bagi melalui satu lagi proses pemilihan terakhir yang lebih rumit daripada segi penentuan kriteria fizikal, fisiologi dan psikologi.

- Saringan 7 pemeriksaan perubatan di Rusia termasuk neurologi (otak) dan penyesuaian tubuh dalam persekitaran mikrograviti.

- Empat orang diuji dan dua dipilih untuk menjalani latihan.

➤ **4 Sept. 2006** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed sebagai calon angkasawan negara untuk mengikuti latihan Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Rusia selama 12 bulan.

➤ **4 Okt. 2006** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi berinteraksi menerusi sidang video dengan calon angkasawan negara Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Rusia.

➤ **15 Julai 2007** Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed menjalani latihan ikhtiar hidup di Laut Hitam, Ukraine.

➤ **10 Sept. 2007** Angkasawan negara akan menjalankan pelbagai eksperimen sains hayat mengenai sel bakteria dan protein semasa beradati angkasa lepas.

➤ **24 Sept. 2007** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr. Faiz Khaleed layak mengikuti misi pertama negara ke angkasa lepas pada 10 Oktober ini.

➤ **2 Okt. 2007** Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed dikuarantin di tempat khas di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan bag memastikan tahap kesihatan mereka baik.

➤ **7 Okt. 2007** Raket pelancar dicantumkan bersama kapsul Soyuz menggunakan kereta api khas dari hangar yang terletak kira-kira sembilan kilometer dari tapak pelancaran. Semua peralatan dan bahan kajian telah dibawa masuk ke dalam Soyuz pada pukul 10 pagi dan 5 petang serta telah lulus dalam ujian penyediaan yang ditetapkan pihak Rusia dan ISS.

➤ **8 Okt. 2007** Raket pelancar Soyuz ke ISS dibawa ke tapak pelancaran, Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan dan akan menjalani *uprighting* proses iaitu ditegakkan.

➤ **10 Okt. 2007** Kapal angkasa Soyuz 15-S akan bertolak dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan dengan membawa angkasawan pertama negara ke ISS yang terletak kira-kira 333 kilometer dari muka bumi. Perjalanan ke ISS dijangka mengambil masa dua hari.

➤ **12 Okt. 2007** Angkasawan menjalankan penyelidikan di ruang sokongan hidup Modul Perkhidmatan Zvezda.

➤ **21 Okt. 2007** Pulang ke bumi.